

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 30, 2017 12:35 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: OYAGSB BizTalk Bincang Isu Kepimpinan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



30 MAC 2017 / 02 REJAB 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

OYAGSB BIZTALK BINCANG ISU KEPIMPINAN



UUM ONLINE: “Rasulullah, Genghis Khan, Nelson Mandela dan Mahatma Gandhi antara pemimpin hebat dunia yang dikenang sepanjang zaman sehingga menjadi ikutan ramai.

“Pemimpin yang baik dapat melahirkan pemimpin yang lebih baik daripadanya sebab itu ia sepatutnya berasa gembira bila orang di bawahnya boleh buat lebih baik daripadanya.”

Ucap *Vice President, Malaysian Employers Federation (MEF)*, Abdul Wahab Abu Bakar ketika menyampaikan ceramah bertajuk *Leaders In A Leader* sempena *OYAGSB Biztalk 2/2017* anjuran Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), di Studio OYAGSB, semalam.

BizTalk merupakan satu siri wacana intelektual yang berkaitan dengan perniagaan dan pengurusan yang disampaikan oleh ahli profesional industri, penyelidik dan Residen OYAGSB.

Jelasnya, kepimpinan boleh dibentuk melalui keluarga, persekitaran, *coach*, *role model*, pendidikan, pendedahan, perjalanan hidup, nilai dan kepercayaan yang dipegang dan mempunyai mentor yang boleh membimbing serta berkongsi pengalaman.

“Selain itu, mengasah kepimpinan bukan sahaja melalui latihan tetapi pendedahan misalnya menghantar pekerja bekerja di luar negara untuk menerokai budaya kerja dan persekitaran yang lebih mencabar dalam usaha memajukan organisasi ke tahap yang lebih baik,” luahnya.

Ulasnya, pemimpin yang baik perlu memiliki kecekapan, kemampuan dan kapasiti dalam menggerakkan organisasi selain menerima kenyataan bahawa dia tidak boleh memuaskan hati semua orang.

“Pemimpin ibarat konduktor orkestra yang memimpin persembahan muzik agar menghasilkan alunan merdu dan harmoni, ia tahu posisi yang ada dalam kumpulan dan menggerakkan dengan kerjasama ahli muzik yang bergerak seiring pengarahannya untuk memberi persembahan terbaik,” ujarnya.

Tambahnya lagi, pemimpin perlu menyampaikan dan berkongsi visi dan misi organisasi kepada kakitangan supaya dapat bergerak bersama-sama ke arah matlamat yang ingin dicapai.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Noor Azizi Ismail yang turut menyampaikan cenderamata kepada penceramah pada akhir majlis.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.